

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 10/03/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 19

KOSMO (19) 10 MAR 2018

Standard Malaysia bantu lonjak perkhidmatan koperasi

KUALA LUMPUR - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) semalam menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Jabatan Standard Malaysia (Standard Malaysia) bertujuan memberi manfaat kepada lebih 13,000 buah koperasi.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, manfaat itu akan terhasil melalui penghasilan produk dan perkhidmatan yang berkualiti.

"Penggunaan standard dalam tadbir urus membolehkan koperasi dapat meningkatkan keyakinan anggota dan masyarakat tentang perkhidmatan yang ditawarkan.

"Kerjasama ini juga merupakan satu langkah proaktif Angkasa untuk menjadi sebuah badan pensijilan dan perkhidma-



STANDARDS
MALAYSIA

tan yang diperakui bagi sektor koperasi di Malaysia," katanya pada sidang akhbar selepas menandatangani MoU tersebut di Wisma Engku A. Aziz di sini semalam.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahaya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Standard Malaysia, Datuk Fadilah Baharin berkata, MoU tersebut akan membantu pengusaha koperasi untuk mempromosikan penggunaan standard.

"Ia memberi panduan kepada koperasi mengenai standard yang boleh digunakan mengikut aktiviti atau fungsi koperasi itu sendiri.

"Kerjasama itu akan dilaksanakan melalui beberapa penganjuran seminar dan bengkel yang telah dirancangkan bagi penambahbaikan yang efektif," ujarnya.



ABDUL FATTAH (kiri) bertukar dokumen dengan Fadilah sambil disaksikan oleh Mohd. Azhar (tengah) pada majlis menandatangani MoU di Wisma Engku A. Aziz, Kuala Lumpur semalam.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia